

NKF sangkal hantaran viral promosi ubat sakit buah pinggang

KUALA LUMPUR: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menyangkal satu hantaran tular yang mempromosikan sejenis ubat bagi sakit buah pinggang tanpa perlu menjalani dialisis.

Pengerusinya Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher dalam satu kenyataan berkata

hantaran dalam media sosial itu yang mempromosi sejenis tablet sebagai satu ubat kepada sakit buah pinggang tanpa dialisis adalah satu penipuan dan ia memasukkan satu foto NKF Malaysia diambil pada satu acara pada 2019 dan telah diedit.

“Kami mengambil serius penipuan

seperti itu, terutamanya yang menggambar ia disahkan oleh NKF. Kami menegaskan kami tidak menyokong produk yang mendakwa ia boleh menyembuhkan sakit buah pinggang, terutama yang dipromosi oleh pautan luar yang tidak berkaitan dengan NKF. – Bernama